# Rombongan Taman Teknologi Malaysia lawat ibu pejabat *Kosmo!*

KOSMO!

11 Januari 2017 | Rabu



## Rombongan Taman Teknologi Malaysia lawat ibu pejabat *Kosmo!*

**KUNJUNGAN MESRA.** Seramai 12 kakitangan Taman Teknologi Malaysia melawat *Kosmo!* di ibu pejabatnya di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur semalam.

Lawatan itu diketuai Pengerusinya, Datuk Ahmad Fauzi Zahari bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin antara kedua-dua organisasi berkenaan selain meninjau operasi Jabatan Pengarang *Kosmo!*.

"Lawatan ini cukup bermakna bagi para pegawai kami dan diharap selepas lawatan ini, kami dapat membina hubungan yang lebih baik dengan akhbar *Kosmo!*," katanya.

Kunjungan itu disambut oleh Pengarang *Kosmo!*, Datuk Baharom Mahusin; Penolong Pengarang 1 *Kosmo!*, Mohd. Nor Ab. Samad dan Penolong Pengarang 2 *Kosmo!*, Lokman Othman.




BAHAROM (tengah) bergambar bersama rombongan Ahmad Fauzi (enam dari kiri) dan pegawai-pegawai kanan Taman Teknologi Malaysia yang melawat ibu pejabat *Kosmo!* di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur semalam.